



جَابِرَتُ الْمُفْتِي كَرِيْمُ السَّلَاةِ

WARTA KERAJAAN

Sel. P.U. 16.

15hb April 2025

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [Enakmen No. 1 tahun 2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan pernyataan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual sebagai fatwa dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

JADUAL

FATWA BERKENAAN MUKHANNATH MENURUT FIQH

Semua hukum *fiqh* berkaitan *mukhannath* iaitu lelaki yang menyerupai wanita adalah mengikut jantina asalnya iaitu seorang lelaki seperti berikut:

- (a) Hukum lelaki bersalaman dengan *mukhannath* adalah haram sekiranya menimbulkan fitnah dan syahwat. Sekiranya tidak menimbulkan fitnah dan syahwat, hukum bersalaman adalah harus. Namun sekiranya *mukhannath* tersebut merupakan golongan yang suka mempamerkan kemaksiatan mereka (*mujaharah bi al-su'*), hukum bersalaman dan berpelukan dengan golongan tersebut adalah dilarang.
- (b) Hukum *mukhannath* yang melakukan hubungan seksual, sekiranya pasangan *mukhannath* itu adalah—
 - (i) seorang lelaki, hukumnya adalah haram dan hukumannya hendaklah mengikut hukuman liwat; atau
 - (ii) seorang wanita (selain isterinya), hukumnya adalah haram dan hukumannya hendaklah mengikut hukuman zina.



جَابِئِن مَّفْتٰی كَرِيْمِنَا اَعُوْزُ

WARTA KERAJAAN

- (c) Hukum seorang lelaki atau wanita yang tinggal bersama *mukhannath* yang bukan mahramnya tanpa penghuni lain atau berdua-duaan di mana-mana sahaja adalah haram kerana terdapat unsur fitnah dan syahwat yang mendorong kepada liwat atau zina.
- (d) Hukum *mukhannath* memelihara anak angkat adalah dilarang kerana boleh menyebabkan anak angkat itu terdedah dengan cara hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam.
- (e) Hukum *mukhannath* menyertai solat jemaah dengan—
 - (i) berpakaian lelaki dan berada dalam saf bersama jemaah lelaki adalah harus dan solatnya sah; atau
 - (ii) berpakaian wanita dan berada dalam saf bersama jemaah wanita adalah haram namun solatnya sah.
- (f) Hukum *mukhannath* menjadi imam dalam solat adalah makruh kerana tergolong dalam kalangan orang yang fasik dan berdosa.
- (g) *Mukhannath* yang mengerjakan ibadah haji dan umrah hendaklah tertakluk kepada hukum ibadah haji dan umrah seorang lelaki dalam semua perkara.
- (h) Sekiranya *mukhannath* tersebut mengerjakan ibadah haji dan umrah dengan berpakaian wanita, ibadah haji dan umrahnya adalah sah jika mematuhi rukun haji dan umrah, namun perbuatannya adalah haram dan boleh dikenakan dam.
- (i) Jenazah *mukhannath* hendaklah diuruskan sama ada oleh warisnya, *mukhannath* lain atau pengurus jenazah lelaki.



جَابَاتِن مُفْتِي نَغَرِي سِلَانْغُور

WARTA KERAJAAN

- (j) Hukum pembahagian harta pusaka yang diterima oleh *mukhannath* adalah mengikut hukum jantina asal iaitu hukum pembahagian bagi seorang lelaki.
- (k) Hukum *mukhannath* menjadi wali dalam perkahwinan adalah tidak sah kerana tergolong dalam kalangan orang yang fasik secara zahir.

Bertarikh 8 April 2025

[MAIS/BUU/600-6/1/20; P.U. Sel (ADV) PS.05/4/12]

Dengan Titah Perintah

DATO' SETIA PROF. MADYA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor